

Headline	Kumpulan terakhir jemaah tiba semalam		
Media/Title	Harian Metro		
Date	19 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	181 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,659
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,977



Kumpulan terakhir jemaah tiba semalam

Sepang: Kumpulan terakhir seramai 281 jemaah haji musim 1434H selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini menerusi penerbangan Malaysia Airlines (MAS), kira-kira jam 6.30 pagi semalam.

Ketibaan jemaah disambut pengurusan Kanan Tabung Haji, Penerbangan Malaysia (MAS) dan ahli keluarga masing-masing yang sudah berada di balai ketibaan, KLIA sejak awal pagi.

Pengurus Besar Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Tabung Haji Anis Zuhani Ahmad berkata, penerbangan terakhir sewa khas haji itu menandakan berakhirnya operasi haji musim ini.

"Sebanyak 64 penerbangan membabitkan 39 penerbangan MAS dan 25 penerbangan Saudi Airlines digunakan untuk membawa pulang lebih kurang 22,000



KUMPULAN terakhir jemaah haji Malaysia selamat tiba di KLIA, semalam.

jemaah haji secara berperingkat-peringkat bermula 21 Oktober lalu.

"Bagaimanapun, seorang jemaah haji yang sakit masih menerima rawatan di Hospital King Fahd, Jeddah, Arab Saudi dan kini berada dalam

pemerhatian doktor, malah petugas Tabung Haji di Tanah Suci akan terus memantau keadaan mereka," katanya di sini, semalam.

Anis Zuhani berkata, perjalanan pulang jemaah itu akan diuruskan Tabung Haji

Jeddah selepas mendapat pelepasan daripada doktor yang merawat.

Menurutnya, pada musim haji tahun ini juga, jumlah kematian di tanah suci adalah seramai 26 orang, iaitu 15 jemaah lelaki dan 11 wanita.